

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2015

RUJUKAN : DR014

SOALAN:

DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai pengurangan 40% dalam pelepasan karbon yang dijanjikan oleh Perdana Menteri Najib di Copenhagen pada tahun 2009 dan diulangi di New York pada 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan “*Road Map*” ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon. “*Road Map*” ini adalah meliputi 3 bidang utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency - EE*), Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy - RE*) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Di samping tiga bidang utama ini, keluasan hutan negara juga harus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan.

Selain itu, Kerajaan turut menggalakkan syarikat-syarikat swasta, termasuk dalam aktiviti pembuatan dan perkhidmatan untuk mengurangkan pelepasan (GHG) dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

- i. Skim Feed-In Tariff (FIT)
- ii. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme - GTFS)
- iii. Program Campuran 5% Bio-diesel dengan 95% Diesel Fosil (B5)
- iv. *Green Building Index (GBI) Certification Programme*
- v. Penggunaan *Compressed Natural Gas (CNG)* oleh kenderaan
- vi. Penggunaan Pengangkutan Awam dan Kenderaan Hibrid
- vii. *Program Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE)*

Kementerian juga telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema "*Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok*" yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 53 juta pokok telah ditanam di kawasan seluas 65,560 hektar.

Sekian, terima kasih.